

**Visi Masa Depan Keutamaan BN Bukan Janji Kosong, Kata Latt Shariman Bernama  
11 Februari , 2012**

ALOR SETAR, 11 Feb (Bernama) -- Kerajaan Barisan Nasional (BN) meletakkan visi masa depan negara sebagai keutamaan, bukan mengamalkan janji kosong dalam usaha mendapatkan sokongan rakyat.

Pegawai Tugas-Tugas Khas Perdana Menteri, Datuk Latt Shariman Abdullah berkata setiap perancangan kerajaan BN di bawah pimpinan Datuk Seri Najib Tun Razak sentiasa memandang ke hadapan.

"Datuk Seri Najib baru dua tahun mengambil alih tampuk pemerintahan dan ketelusan beliau mentadbir negara boleh dilihat berbanding Pakatan Rakyat hampir empat tahun memerintah lima negeri masih gagal menunaikan janji mereka.

"Pakatan Rakyat pandai berjanji perkara di luar kemampuan namun tidak pernah mengambil tanggungjawab," katanya selepas merasmikan perayaan Ponggal Parti Progresif Rakyat India (IPF) Parlimen Kuala Kedah di sini, petang semalam.

Latt Shariman yang juga ketua Umno bahagian Kuala Kedah memberi contoh pentadbiran kerajaan Kedah yang ditunjangi Pas gagal menunaikan janji manifesto pilihan raya 2008 di samping tidak berupaya merancang projek pembangunan untuk masa depan rakyatnya.

"Baiki jalan sedikit, ganti lampu jalan...itu adalah tanggungjawab. Kita mahu lihat pelan pembangunan dan projek dilaksanakan supaya rakyat boleh bersedia, bukan kita hendak lihat pengangguran," tambahnya.

Mengenai konsep rakan kongsi berasaskan semangat 'nambikei' iaitu kepercayaan dan keyakinan rakyat terhadap kerajaan, beliau berkata Perdana Menteri begitu telus agar rancangan transformasi kerajaan berjaya.

Mengenai perayaan Ponggal itu yang disertai hampir 100 ahli IPF Kuala Kedah, Latt Shariman berkata penyertaan semua kaum melambangkan masyarakat majmuk Malaysia boleh hidup dengan toleransi selagi mereka saling menghormati.

Pagi ini beliau menyertai 100 warga emas bergotong-royong membersihkan persekitaran Klinik Kesihatan Simpang Empat Kangkong, dekat sini.

Kakitangan klinik tersebut turut memberikan perkhidmatan pemeriksaan kesihatan percuma kepada orang ramai yang hadir pada majlis itu yang berlangsung sehingga tengah hari ini.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=644989>